

TERMS AND CONDITIONS FOR KFH SUPER CURRENT ACCOUNT-i/ KFH SUPER SAVINGS ACCOUNT-i DEPOSITS

KFH Super Current Account-i & KFH Super Savings Account-i are protected by PIDM up to RM250,000 for each depositor.

These Terms and Conditions of KFH Super Current Account-i & KFH Super Savings Account-i are to be read as a whole with the Deposits Terms & Conditions (Part A) and any other relevant terms and conditions as Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad (“KFH Malaysia”) may impose from time to time with prior notice, and any other rules and regulations binding on KFH Malaysia.

1. Murabahah and Tawarruq Contracts

- 1.1. KFH Super Current Account-i/ KFH Super Savings Account-i shall operate in accordance with the Shariah concepts of Murabahah and Tawarruq whereby the Customer shall appoint and authorise and KFH Malaysia shall accept the appointment and authorisation as the Customer’s agent to do all acts as fully as the Customer could do themselves with respect to the purchase and sale of the Shariah compliant goods and commodities which include but not limited to palm oil products, oleo chemical products, rubber products, cocoa products or soya products (“Commodity”) in the local/international markets as determined by KFH Malaysia at the purchase price to be mutually agreed between the Customer and the KFH Malaysia (“Purchase Price”).
- 1.2. KFH Malaysia hereby represents to the Customer that upon KFH Malaysia’s purchase of the Commodity as agent for and on behalf of Customer from the supplier, the Customer shall have good and marketable title to the Commodity, and that the Commodity is available for physical delivery by KFH Malaysia, if so requested at the time of the sale of the Commodity by Customer to KFH Malaysia. Customer agrees that all actual costs incurred pursuant to the Murabahah-Tawarruq transaction shall be borne by the Customer.
- 1.3. Thereafter, KFH Malaysia shall purchase from the Customer the Commodity at the deferred sale price comprising the Purchase Price and the profit (“Deferred Sale Price”) on the spot delivery date.
- 1.4. No transaction can be made in any Commodity that consist of pork/pig based products, alcoholic drinks, tobacco, narcotics, gold, silver, precious metals, or any other items which are not acceptable to the Customer and KFH Malaysia.
- 1.5. The tenure of the KFH Super Current Account-i/ KFH Super Savings Account-i shall be on daily basis.
- 1.6. The moneys deposited must be in currencies acceptable to KFH Malaysia.
- 1.7. KFH Malaysia shall have the right to terminate the KFH Super Current Account-i/ KFH Super Savings Account-i upon occurrence of any of the following events: -
 - a. failure to comply with the Customer Due Diligence (CDD) requirements as required by Bank Negara Malaysia (“BNM”); or
 - b. bankruptcy or liquidation (voluntary or compulsory) or winding up of the Customer; or

- c. the Customer commits breach of any of the terms and conditions herein; or
 - d. the Customer does not or refuses to accept any variation, change and amendment to these Terms and Conditions;
 - e. then the provision under Clause 2.2.1(i) shall apply.
- 1.8. For business or corporate Customer, the Customer shall forthwith notify KFH Malaysia in the event that any of its authorised signatories are no longer authorised to operate the KFH Super Current Account-i/ KFH Super Savings Account-i, sign any documents or otherwise act on the Customer's behalf thereunder. The Customer hereby represents and warrants that it has obtained all the necessary corporate approvals for the account, its operation and the performance, acts and deeds contemplated herein relating to the deposit.

2. Operation of the KFH Super Current Account-i/ KFH Super Savings Account-i

This clause shall be read together with the Terms and Conditions of each type of the product / accounts appearing in the Deposits Terms & Conditions as stated in:

- i) Part B; Clause 2 and 3
- ii) Part C; Clause 2 and 3

2.1. Appointment as Agent

- 2.1.1. The Customer agrees to appoint KFH Malaysia and KFH Malaysia agrees to accept the appointment as the agent of the Customer to do and execute all acts for purchase and sale of the Commodity in accordance with these Terms and Conditions and to negotiate with the Commodity traders, industrial firms, their suppliers ("Supplier") and their clients on behalf of the Customer in relation thereto.
- 2.1.2. KFH Malaysia will, in performing its obligations and activities as an agent in the transactions look after the best interest of the Customer and act in good faith.
- 2.1.3. The Customer indemnifies KFH Malaysia on his first demand against all losses, claims, actions, proceedings, damage, costs and expenses whatsoever brought or claimed by any party and/or incurred or sustained by KFH Malaysia as a result of the purchase of the Commodity under any transaction hereunder as agent of the Customer or a breach by the Customer any of his obligations herein. The indemnity given shall survive termination of these Terms and Conditions and any sums payable under it shall not be subject to any deduction whether by way of set off counter claim or otherwise.
- 2.1.4. KFH Malaysia shall not be obliged to enter into any transaction, nor follow any instruction of the Customer, if in the opinion of KFH Malaysia by entering into such transaction or following such instruction, KFH Malaysia would be in contravention or violation of any law, policy, rule or regulation.

2.2. Trade Transactions

2.2.1. Subject to the provisions herein contained, the Murabahah and Tawarruq transactions shall be as follows:

- a. the Customer appoints KFH Malaysia as agent and instructs KFH Malaysia to enter into a purchase transaction (“Purchase Transaction”) for the purchase and subsequently act as agent to sell (“Sale Transaction”) of the Commodity as determined by KFH Malaysia for the amount desired to be deposited during the Tenure.
- b. the Purchase Transaction and the Sale Transaction collectively shall be referred to as “Trade Transactions”.
- c. The Customer shall deposit money into the KFH Super Current Account-i/ KFH Super Savings Account-i, which will subsequently be used to pay the Purchase Price to KFH Malaysia for the Purchase Transaction.;
- d. on the next following calendar day, KFH Malaysia as agent for and on behalf of the Customer, will purchase the Commodity at the Purchase Price from the Supplier based on the end day closing balance of the KFH Super Current Account-i/ KFH Super Savings Account-i of the earlier day.
- e. thereafter, the Customer sells and KFH Malaysia purchases the Commodity at the Deferred Sale Price. The Purchase Price will be paid on the following trade transaction day and time while the Profit will be paid at the end of the month (“Profit Payment Date”). Notwithstanding the above, the Customer is allowed to withdraw or utilise his/her balance amount at any time. This is consistent with the account’s demand deposit nature, in which, KFH Malaysia will honor the Customer’s withdrawal or utilisation request. The formula to derive the Deferred Sale Price is computed as follows:

Profit: End of day closing balance x Contracted Profit Rate

365

Deferred Sale Price: End of day closing balance + Profit

- f. the Trade Transactions will be transacted on daily basis at a specified cut-off time determined by KFH Malaysia;
- g. on the month end (“Profit Payment Date”), KFH Malaysia shall pay the profit under the Sale Transaction by crediting the total profit into the KFH Super Current Account-i/ KFH Super Savings Account-i.
- h. subject to the Clause 2.2.1(d), 2.2.1(e) and 2.2.1(f) above, a statement of the account will be provided to the Customer on monthly basis through any modes or methods as KFH Malaysia deems appropriate including without limitation by electronic transmission (including via electronic mail, facsimile, mobile phones or other devices). The statement of account will indicate the total profit amount based on the daily trading for the month and credited into the Customer’s KFH Super Current Account-i/ KFH Super Savings Account-i under item “PROFIT DISTRIBUTION”.

- i. in the event of the KFH Super Current Account-i/ KFH Super Savings Account-i is closed for any reason whatsoever before the Profit Payment Date, Customer agrees to waive any profit due from the date of the first trade transaction in the month and therefore no profit will be paid to his/her KFH Super Current Account-i/ KFH Super Savings Account-i; and
- j. Notwithstanding to the Clause 2.2.1(e) above, the Customer may opt to take the physical delivery of the commodity subject to the minimum requirements and comply with rules and regulations of the Supplier. The delivery arrangement is to be made by the Customer and Supplier at the Customer's own costs.

2.2.2. Subject to the provisions herein contained, the Trade Transactions will be done on a daily basis.

3. Contracted Profit Rate

Contracted profit rates as published in the KFH Malaysia website.

4. Other Conditions

- 4.1. These Terms and Conditions shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia and each of the parties hereto irrevocably submits to the jurisdiction of the Courts of Malaysia.
- 4.2. KFH Malaysia reserves the right to vary from time to time these Terms and Conditions at its sole and absolute discretion and to make such further variations, amendments and alterations as are necessary and to comply with all relevant rules, decisions and rulings of BNM whether the same be made before or after the Trade Transactions and such variations amendments and alteration shall be conclusive, final and be binding on the Customer.
- 4.3. Both KFH Malaysia and the Customer hereby irrevocably agree and acknowledge that as at the date hereof, these Terms and Conditions (including each of the terms contained herein and the underlying structure herein) and the Trade Transactions are Shariah compliant. Accordingly, each party hereto agrees that it shall not henceforth raise any dispute in relation to whether these Terms and Conditions and the Trade Transactions are Shariah compliance.
- 4.4. Subject to the Clause 4.3 above, both KFH Malaysia and the Customer hereby agree and acknowledge that if, following the date hereof, any question arises concerning a Shariah matter in any proceedings before any court or arbitrator in relation to these Terms and Conditions and/or the Trade Transactions, such question shall be referred to the Shariah Advisory Council established under section 51(1) of the Central Bank of Malaysia Act 2009 for its ruling and such ruling shall be final and binding upon the parties to these Terms and Conditions and the Trade Transactions and the parties shall take all steps necessary to cause/procure the court or arbitrator to refer such question to the Shariah Advisory Council.
- 4.5. It is agreed and acknowledged that these Terms and Conditions and each Trade Transaction is not intended to be, and shall not be, governed by the rules of the local commodity exchange on which such Commodity are traded

(as the same may be supplemented or amended from time to time) and is an OTC (over-the-counter) contract.

- 4.6. For KFH Super Current Account-i (Personal Salary Account)/ KFH Super Savings Account-i (Personal Salary Account), the account shall be monitored in 3 consecutive months from the opening date. Should the salary is not credited during this period, KFH Malaysia reserves its right to re-classify the account to KFH Super Current Account-i (Personal) / KFH Super Savings Account-i (Personal)
- 4.7. In the event the salary is not credited into KFH Super Current Account-i (Personal Salary Account)/ KFH Super Savings Account-i (Personal Salary Account) due to change of employment, the Customer is required to instruct new employer to credit the salary into this account. Failure which KFH Malaysia shall re-classify the account to KFH Super Current Account-i (Personal)/ KFH Super Savings Account-i (Personal) should the salary is not credited in 3 consecutive months.
- 4.8. In the event the Customer is no longer working, or salary is not credited into KFH Super Current Account-i (Personal Salary Account)/ KFH Super Savings Account-i (Personal Salary Account) in 3 consecutive months due to whatever reasons, KFH Malaysia shall re-classify the account to KFH Super Current Account-i (Personal)/KFH Super Savings Account (Personal).
- 4.9. KFH Malaysia shall conduct a review on KFH Super Current Account-i (Personal Salary Account)/ KFH Super Savings Account-i (Personal Salary Account) on annual basis to ensure the account has served its purpose and meet the terms and conditions accordingly.
- 4.10. Time wherever mentioned shall be of the essence.

5. Canvassing, Gifts, Inducements and Rewards

- 5.1. Customer hereby acknowledges that KFH Malaysia practices a zero-tolerance position towards any form of bribery and corruption in line with its Anti Bribery and Corruption (ABC) Policy.
- 5.2. Customer shall not in any circumstances offer, promise or make any gift, payment, financing, reward, inducement, benefit, or other advantage to any of the KFH Malaysia's employees, members of its board of directors, representatives and/or agents. Such acts are criminal offence under the Malaysian laws and shall entitle, but not oblige, KFH Malaysia without liability and without prejudice to KFH Malaysia's other rights and remedies, to terminate the KFH Super Current Account-i/ KFH Super Savings Account-i forthwith, and the Customer shall be liable for all losses incurred by KFH Malaysia as a result of such termination, and shall indemnify and render the KFH Malaysia harmless from all such costs.
- 5.3. The Parties hereby declare that they are aware of the practice wherein persons and companies may take advantage of the position or office that they are in or the information that they are in possession of for the purposes of obtaining for themselves any illicit gratification, reward, benefit or advantage or make or made any bribe, rebate, payoff, influence payment, unlawful kickback or other unlawful payment, Customer recognises that such practice is in violation of the KFH Malaysia's policies including its procurements ethics, and the Malaysian Anti-Corruption Commission (Amendment) Act 2018 or any

regulation implementing any anti-corruption or other similar law in Malaysia and hereby warrants and undertakes not to utilize such information or assistance offered by such persons or companies or allow the existence or the continuation of such practice for the purpose of operating the KFH Super Current Account-i/ KFH Super Savings Account-i.

- 5.4. Customer has instituted and has maintained, and will continue to maintain, policies and procedures reasonably designed to promote and achieve compliance with this clause.
- 5.5. Customer, upon being informed of any violation of these provisions, which have either occurred or may have occurred, shall immediately notify KFH Malaysia in writing of the nature of the violation.
- 5.6. Customer hereby acknowledges and undertakes as follows:
 - a. that Customer has read and understood KFH Malaysia's ABC Statement as published in KFH Malaysia's corporate website;
 - b. that Customer shall, and shall cause its directors, officers, employees and its authorized representatives or agents, to comply with anti-corruption or other similar law in Malaysia; and
 - c. Customer, upon being informed of any violation of these provisions, which have either occurred or may have occurred, shall immediately notify KFH Malaysia in writing of the nature of the violation;
 - d. to notify the KFH Malaysia of any non-compliance or attempted non-compliance with the Anti-Bribery Laws by any of its employees or persons associated with Customer by reporting the same via the *whistleblow@kfh.com.my* on KFH Malaysia's corporate website.

6. Personal Data Protection Act 2010

- 6.1. Where "Personal Data" as defined in the Personal Data Protection Act 2010 (PDPA) is processed for the purpose of KFH Super Current Account-i/ KFH Super Savings Account-i, both Parties shall:
 - a. process the Personal Data to the extent and in such manner as is necessary for the performance of KFH Super Current Account-i/ KFH Super Savings Account-i;
 - b. procure that its employees, shareholders, affiliates, agents and/or consultants agree, observe and comply with the requirements of PDPA and ensure reliability of any personnel having access to the Personal Data;
 - c. take appropriate technical and or organizational measures to protect the Personal Data from any loss, misuse, modification, authorisation or accidental access or disclosure, alteration or destruction including ensuring a level of security appropriate to the harm that might result from the said acts and appropriate to the nature of the Personal Data;
 - d. promptly notify the other Party in writing when it becomes aware or reasonably ought to have become aware of any breach of its obligations under the Terms and Conditions that results in an

actual or reasonably suspected unauthorized disclosure of Personal Data whether on part of itself or its officers, employees, agents or sub-contractor and of steps taken to manage and repair the breach.

- 6.2. Notwithstanding anything herein contained, both Parties shall at all times comply with the provisions of PDPA. Customer hereby fully indemnifies and shall keep KFH Malaysia indemnified from and against all costs, expenses, actions, damages and claims whatsoever resulting from or in connection with such non-compliance by KFH Malaysia of the provisions of the PDPA.
- 6.3. Customer hereby agrees and consents to the holding, collection and use of all personal data provided to KFH Malaysia by the Customer or acquired by KFH Malaysia from the public domain, as well as personal data that arises as a result of the provision of services to the Customer in connection with the KFH Super Current Account-i/ KFH Super Savings Account-i with KFH Malaysia in accordance with the Privacy Policy under Personal Data Protection Act 2010 by KFH Malaysia as may be amended from time to time.

7. Disclosure

- 7.1. In addition to the permitted disclosures provided under Schedule 11 of the Islamic Financial Services Act 2013, Customer hereby authorizes and permits KFH Malaysia, its officers and employees to disclose and furnish all information concerning the KFH Super Current Account-i/ KFH Super Savings Account-i with KFH Malaysia, present and future accounts of Customer and any other matters relating to such account(s) to:
 - a. the Central Credit Unit (including for purposes of storage in the Central Credit Reference Information System (“CCRIS”) which information is available to all participating financial institutions), Dishonoured Cheques Information System (DCHEQS), Bank Negara Malaysia, *Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Malaysia* (if applicable) and any other governmental agency or such other regulatory authorities having jurisdiction over KFH Malaysia and / or KFH Malaysia’s holding company;
 - b. the security parties or any party intending to provide security in respect of KFH Super Current Account-i/ KFH Super Savings Account-i with KFHMB and his/her account(s);
 - c. any company which is or which in the future may be a subsidiary and / or parent company and / or member and / or related concern (as defined by Section 7 of the Companies’ Act (2016) and / or associate (as defined by Section 2(1) of the Islamic Financial Services Act (2013) of KFH Malaysia and / or its holding company;
 - d. any of KFH Malaysia’s branches, representative offices, affiliates (present as well as future) and KFH Malaysia’s head office;
 - e. any person who provides services to KFH Malaysia and/or its holding company (including without limitation the auditors, legal counsels and other professional advisors of KFH Malaysia and/or its holding company);
 - f. any person to whom, and to the extent that, information is required to be disclosed by any applicable law or regulation or

- other legal provisions or rules or orders (including subpoenas) issued by any court of law of any jurisdiction within or outside Malaysia, or to the extent that disclosure of information is deemed by KFHMB to be prudent or reasonably necessary to defend itself in any court of law of any jurisdiction within or outside Malaysia;
- g. any service provider (including debt collection agencies and short message service provider);
 - h. Where Customer instructs KFH Malaysia to effect any sort of cross-border transaction (including remittance and/or receiving any payments), the details relevant to the cross border transaction (including but not limited to information relating to those involved in the said transaction) may be received from or sent abroad, where it could be accessible (whether directly or indirectly) by any regulators, authorities in connection with their legitimate duties (e.g. the prevention of crime), legal proceedings or any court of law of any jurisdiction within or outside Malaysia. In instructing KFH Malaysia to enter into any cross-border transaction on Customer's behalf, Customer hereby agrees and consent to the abovesaid disclosures; and
 - i. any person or party for such purposes as KFH Malaysia may in its discretion deems necessary or expedient.
- 7.2. Customer hereby consents to such disclosure both as to information that KFH Malaysia already has in its possession, and information that it will receive in the future , and that no further consent from Customer is required for the purposes of this section and Customer hereby confirms that KFH Malaysia shall not be liable in any manner for disclosing or furnishing such information referred to herein provided that in respect of the documents or records or information which are classified as confidential, the person receiving such information from KFH Malaysia may be required to undertake to maintain the confidentiality of the documents or records or information received.
- 7.3. In the event Customer opts to withdraw the consent given earlier, KFH Malaysia will have the right to not provide or discontinue the provision of any products, services, account(s) and/or facility(ies) that is/are linked with such information.

TERMA-TERMA & SYARAT-SYARAT BAGI AKAUN DEPOSIT KFH AKAUN SEMASA SUPER-i/ KFH AKAUN SIMPANAN SUPER-i

KFH Akaun Semasa Super-i dan KFH Akaun Simpanan Super-i dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

Terma dan Syarat KFH Akaun Semasa Super-i dan KFH Akaun Simpanan Super-i ini hendaklah dibaca secara keseluruhan dengan Terma dan Syarat Deposit (Bahagian A) dan mana-mana terma dan syarat berkenaan lain yang mungkin dikenakan oleh Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad (“KFH Malaysia”) dari masa ke masa dengan memberi notis terlebih dahulu, serta kaedah dan peraturan yang mengikat ke atas KFH Malaysia.

1. Kontrak Murabahah dan Tawarruq

- 1.1. KFH Akaun Semasa Super-i/ KFH Akaun Simpanan Super-i beroperasi berdasarkan konsep Syariah Murabahah dan Tawarruq di mana Pelanggan melantik dan memberi kuasa, dan KFH Malaysia menerima perlantikan dan pemberian kuasa tersebut sebagai ejen kepada Pelanggan untuk menjalankan semua aktiviti sepenuhnya termasuk untuk membeli dan menjual barang-barang dan komoditi berasaskan Syariah di pasaran tempatan tetapi tidak terhad kepada keluaran kelapa sawit, oleokimia, produk keluaran getah, produk keluaran koko atau produk keluaran soya (“Komoditi”) yang ditentukan oleh KFH Malaysia pada harga belian dan yang dipersetujui bersama di antara pelanggan dan KFH Malaysia (“Harga Belian”).
- 1.2. KFH Malaysia dengan ini mengemukakan kepada Pelanggan apabila pembelian Komoditi dilakukan oleh KFH Malaysia sebagai agen dan bagi pihak Pelanggan daripada Pembekal, Pelanggan akan mempunyai barang dan hakmilik dan komoditi tersebut boleh dipasarkan, dan dihantar secara oleh KFH Malaysia sekiranya diminta oleh pelanggan semasa penjualan Komoditi. Pelanggan bersetuju bahawa semua kos sebenar yang berkaitan dengan transaksi Murabahah-Tawarruq hendaklah ditanggung oleh Pelanggan.
- 1.3. KFH Malaysia kemudiannya akan membeli Komoditi daripada Pelanggan pada harga jualan tertanggung yang terdiri daripada Harga Belian dan keuntungan (“Harga Jualan Tertanggung”) tepat pada tarikh penghantaran.
- 1.4. Transaksi tidak boleh dilakukan dalam mana-mana Komoditi yang terdiri daripada daging khinzir/ bahan berasaskan khinzir, minuman beralkohol, tembakau, dadah, emas, perak, logam berharga atau barang lain yang tidak diterima oleh Pelanggan dan/atau KFH Malaysia.
- 1.5. Tempoh matang KFH Akaun Semasa Super-i/ KFH Akaun Simpanan Super-i adalah atas dasar setiap hari.
- 1.6. Wang yang didepositkan mestilah dalam mata wang yang boleh diterima oleh KFH Malaysia.
- 1.7. KFH Malaysia mempunyai hak untuk menamatkan KFH Akaun Semasa Super-i/ KFH Akaun Simpanan Super-i jika perkara seperti di bawah berlaku:
 - a. kegagalan untuk mematuhi syarat-syarat Usaha Wajar Pelanggan (CDD) sebagaimana yang dikehendaki oleh Bank Negara Malaysia (“BNM”); atau
 - b. Bankrap atau pembubaran oleh Pelanggan (secara sukarela atau wajib) atau penggugungan Pelanggan; atau

- c. Pelanggan tidak mematuhi Terma-terma dan Syarat-syarat tertera di sini; atau
 - d. Pelanggan tidak atau enggan untuk menerima sebarang variasi, pertukaran dan perubahan pada terma-terma dan syarat-syarat ini
 - e. dengan itu, peruntukan di bawah Fasal 2.2.1 (i) akan dilaksanakan.
- 1.8. Untuk Pelanggan bukan individu, Pelanggan dikehendaki memberitahu KFH Malaysia jika salah seorang daripada penandatangani yang diberi kuasa tidak lagi berkuasa untuk mengoperasikan KFH Akaun Semasa Super-i/ KFH Akaun Simpanan Super-i, untuk menandatangani sebarang dokumen atau bertindak bagi pihak Pelanggan. Pelanggan di sini mewakili dan mengarah bahawa ia telah mendapat semua kelulusan yang sepatutnya untuk akaun tersebut, operasinya dan prestasi, tindakan dan sebarang dokumen berkenaan dengan deposit itu.

2. Operasi KFH Akaun Semasa Super-i/ KFH Akaun Simpanan Super-i

Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca sekali dengan Terma dan Syarat produk/ akaun yang tersenarai di dalam Terma- dan Syarat Deposit seperti tertera di:

- i) Bahagian B; Fasal 2 dan 3
- ii) Bahagian C; Fasal 2 dan 3

2.1. Perlantikan Sebagai Ejen

- 2.1.1. Pelanggan bersetuju untuk melantik KFH Malaysia dan KFH Malaysia bersetuju untuk menerima perlantikan sebagai ejen Pelanggan untuk melakukan dan melaksanakan segala tindakan untuk pembelian dan penjualan Komoditi berdasarkan terma-terma dan syarat-syarat dan untuk berunding dengan pedagang Komoditi, firma industri, para pembekal (“Pembekal”) dan klien mereka bagi pihak Pelanggan yang berkenaan dengannya
- 2.1.2. KFH Malaysia akan melaksanakan kewajipan, aktiviti pengurusan transaksi, menjaga kepentingan pelanggan secara terbaik dan bertindak dengan niat baik
- 2.1.3. Pelanggan akan menggantirugi KFH Malaysia pada permintaan pertamanya/mereka terhadap segala kerugian, tuntutan, tindakan, prosiding, kerosakan, kos dan perbelanjaan yang berpunca atau dituntut oleh mana-mana pihak dan/atau dikenakan atau dialami oleh KFH Malaysia hasil dari pembelian Komoditi di bawah transaksi ini sebagai ejen kepada Pelanggan atau pelanggaran perjanjian oleh Pelanggan atas mana-mana kewajibannya/mereka di sini. Gantirugi yang diberikan akan terus kekal walaupun Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini telah ditamatkan dan setiap jumlah yang perlu dibayar tidak akan tertakluk kepada apa-apa potongan, penolakan, tuntutan balas atau sebaliknya
- 2.1.4. KFH Malaysia tidak diwajibkan untuk membuat sebarang transaksi atau mengikut sebarang arahan daripada Pelanggan, jika pada pendapat KFH Malaysia dengan membuat transaksi tersebut atau mengikut

arahan tersebut, KFH Malaysia akan melanggar mana-mana undang-undang, polisi dan peraturan.

2.2. Transaksi Perdagangan

2.2.1. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang terkandung di sini, transaksi Murabahah Tawarruq adalah seperti berikut: -

- a. Pelanggan melantik KFH Malaysia sebagai ejen dan mengarahkan KFH Malaysia untuk melaksanakan transaksi pembelian (“Transaksi Pembelian”) untuk pembelian dan kemudian bertindak sebagai agen untuk menjual Komoditi sebagaimana yang ditentukan oleh KFH Malaysia dengan jumlah yang ingin didepositkan semasa Tempoh.
- b. Transaksi Pembelian dan Transaksi Jualan secara kolektif akan dirujuk sebagai “Transaksi Perdagangan”.
- c. Pelanggan hendaklah men depositkan wang ke dalam KFH Akaun Semasa Super-i/ KFH Akaun Simpanan Super-i, yang kemudiannya akan digunakan untuk membayar Harga Belian kepada KFH Malaysia untuk Transaksi Pembelian.
- d. Pada hari kalendar yang berikutnya, KFH Malaysia sebagai ejen untuk dan bagi pihak Pelanggan, akan membeli Komoditi pada Harga Belian daripada Pembekal berdasarkan baki sedia ada terakhir KFH Akaun Semasa Super-i / KFH Akaun Simpanan Super-i pada hari sebelum.
- e. Selepas itu, Pelanggan akan menjual dan KFH Malaysia akan membeli Komoditi pada Harga Jualan Tertunda. Harga Belian akan dibayar pada hari dan masa selepas transaksi dagangan manakala Keuntungan akan dibayar pada akhir bulan (“Tarikh Pembayaran Keuntungan”). Walau bagaimanapun, Pelanggan boleh mengeluarkan atau menggunakan baki akaun pada bila-bila masa. Ini sejajar dengan sifat akaun deposit permintaan, di mana, KFH Malaysia akan memberi keutamaan kepada permintaan Pelanggan untuk mengeluarkan dan menggunakan duit. Formula untuk memperolehi Harga Jualan Tertunda dikira seperti berikut:-

Keuntungan:

Jumlah Baki Sedia Ada pada akhir hari x Kadar Keuntungan yang dikontrakkan

365

Harga Jualan Tertunda: Jumlah Baki Sedia Ada pada akhir hari x Kadar Keuntungan

- f. Transaksi Perdagangan akan dilakukan setiap hari pada waktu tamat yang ditentukan oleh KFH Malaysia
- g. Pada penghujung bulan (“Tarikh Pembayaran Keuntungan”), KFH Malaysia akan membayar keuntungan bagi Transaksi Perdagangan dengan mengkreditkan jumlah keuntungan tersebut ke dalam KFH Akaun Semasa Super-i/ KFH Akaun Simpanan Super-i.

- h. Tertakluk kepada Fasal 2.2.1 (d), 2.2.1 (e) dan 2.2.1(f) di atas, penyata akaun akan dikeluarkan kepada Pelanggan setiap bulan melalui apa-apa cara atau kaedah yang KFH Malaysia fikirkan sesuai termasuk dan tanpa had melalui penghantaran elektronik (termasuk melalui mel elektronik, faksimili, telefon bimbit atau alat-alat lain). Penyata akaun tersebut akan menunjukkan jumlah keuntungan keseluruhan berdasarkan kepada transaksi harian untuk bulan tersebut yang akan dikreditkan ke dalam KFH Akaun Semasa Super-i/ KFH Akaun Simpanan Super-i Pelanggan dibawah perkara “PROFIT DISTRIBUTION”.
 - i. Sekiranya KFH Akaun Semasa Super-i/ KFH Akaun Simpanan Super-i ditutup atas apa jua sebab sebelum Tarikh Pembayaran Keuntungan, Pelanggan bersetuju untuk mengetepikan apa-apa keuntungan yang kena dibayar dari tarikh urus niaga perdagangan yang pertama dalam bulan tersebut dan oleh itu, tiada keuntungan akan dibayar kepada KFH Akaun Semasa Super-i/ KFH Akaun Simpanan Super-i tersebut; dan
 - j. Selain Klausula 2.2.1(e) diatas, Pelanggan boleh memilih untuk menerima penghantaran fizikal komoditi tertakluk kepada keperluan minimum dan mematuhi peraturan-peraturan Pembekal Komoditi itu. Pengaturan penghantaran harus dilakukan oleh Pelanggan dan Pembekal Komoditi pada kos Pelanggan sendiri.
- 2.2.2. Tertakluk kepada peruntukan yang terkandung di sini, Transaksi perdagangan akan dilakukan pada setiap hari dan Kadar Keuntungan yang Dikontrakkan akan ditentukan oleh KFH Malaysia dari masa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu kepada Pelanggan.

3. Kadar Keuntungan yang dikontrakkan

Kadar keuntungan kontrak adalah seperti yang diterbitkan di laman sesawang KFH Malaysia.

4. Terma-terma dan syarat-syarat lain

- 4.1. Terma dan Syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan semua pihak terlibat sama-sama akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.
- 4.2. KFH Malaysia berhak untuk menukar dari semasa ke semasa melalui Terma-terma dan Syarat-syarat ini dengan satu-satunya dan budi bicaranya yang mutlak dan untuk membuat lanjutan variasi, pindaan, dan perubahan yang sepatutnya dan untuk mematuhi semua undang-undang, keputusan dan perintah-perintah BNM sama ada persamaan telah dibuat sebelum atau selepas Transaksi Perdagangan dan variasi, pindaan dan perubahan hendaklah konklusif, muktamad dan terikat kepada Pelanggan.
- 4.3. Kedua-dua KFH Malaysia dan Pelanggan dengan ini secara muktamad bersetuju dan mengakui bahawa pada tarikh perjanjian ini, Terma-terma dan Syarat-syarat (termasuk setiap terma terkandung di sini dan dasar struktur di sini) dan Transaksi Perdagangan adalah mematuhi Syariah. Berikutnya, setiap pihak di sini bersetuju bahawa ia tidak akan menimbulkan sebarang

percanggahan mengenai sama ada Terma-terma dan Syarat-syarat ini adalah mematuhi Syariah.

- 4.4. Tertakluk kepada Fasal 4.3 di atas, kedua-dua KFH Malaysia dan Pelanggan dengan ini bersetuju dan mengakui bahawa, selepas tarikh ini, sebarang pertanyaan yang timbul mengenai perkara Syariah dalam prosiding di hadapan mana-mana mahkamah atau penimbang tara berhubung dengan Terma-terma dan Syarat-syarat ini dan Transaksi Perdagangan, pertanyaan yang berkenaan akan dirujuk kepada Majlis Penasihat Syariah yang ditubuhkan di bawah subseksyen 16B(1) Akta Bank Negara Malaysia 2010 untuk keputusannya, yang mana keputusan tersebut adalah muktamad dan terikat kepada semua pihak untuk Terma-terma dan Syarat-syarat ini dan Transaksi Perdagangan dan semua pihak patut mengambil semua langkah yang perlu untuk memohon/mendapatkan mahkamah atau penimbang tara merujuk pertanyaan tersebut kepada Majlis Penasihat Syariah.
- 4.5. Adalah dipersetujui dan diakui bahawa Terma-terma dan Syarat-syarat ini dan setiap Transaksi Perdagangan yang tidak dimaksudkan untuk menjadi, dan tidak boleh ditadbir oleh peraturan pertukaran komoditi tempatan di mana Komoditi tersebut didagangkan (termasuk peraturan yang ditambah atau diubah dari semasa ke semasa) dan merupakan kontrak melalui kaunter.
- 4.6. Untuk KFH Akaun Semasa Super-i (Akaun Gaji Peribadi) / KFH Akaun Simpanan Super-i (Akaun Gaji Peribadi), akaun tersebut akan dipantau dalam masa tiga (3) bulan berturut-turut bermula pada tarikh pembukaan. Sekiranya gaji tidak dikreditkan dalam tempoh ini, KFH Malaysia berhak mengklasifikasikan semula akaun tersebut ke KFH Akaun Semasa Super-i (Akaun Peribadi) / KFH Akaun Simpanan Super-i (Akaun Peribadi)
- 4.7. Sekiranya gaji tidak dikreditkan ke dalam KFH Akaun Semasa Super-i (Akaun Gaji Peribadi) / KFH Akaun Simpanan Super-i (Akaun Gaji Peribadi) disebabkan pertukaran pekerjaan, Pelanggan dikehendaki mengarahkan majikan baharu untuk mengkreditkan gaji ke dalam akaun ini. Kegagalan melakukannya, KFH Malaysia akan mengklasifikasikan semula akaun tersebut kepada KFH Akaun Semasa Super-i (Akaun Peribadi) / KFH Akaun Simpanan Super-i (Akaun Peribadi) sekiranya tiada pengkreditan gaji dalam masa tiga (3) bulan berturut-turut.
- 4.8. Sekiranya Pelanggan tidak lagi bekerja, atau gaji tidak dikreditkan ke dalam KFH Akaun Semasa Super-i (Akaun Gaji Peribadi) / KFH Akaun Simpanan Super-i (Akaun Gaji Peribadi) dalam masa tiga (3) bulan berturut-turut atas apa jua sebab, KFH Malaysia akan mengklasifikasikan semula akaun tersebut kepada KFH Akaun Semasa Super-i (Akaun Peribadi) / KFH Akaun Simpanan Super-i (Akaun Peribadi).
- 4.9. KFH Malaysia akan melakukan semakan kepada KFH Akaun Semasa Super-i (Akaun Gaji Peribadi) / KFH Akaun Simpanan Super-i (Akaun Gaji Peribadi) secara tahunan bagi memastikan akaun tersebut telah digunakan untuk tujuan yang sewajarnya dan memenuhi syarat-syaratnya.
- 4.10. Apa-apa yang disebut berkaitan dengan masa akan menjadi intipati.

5. Aku Janji Antirasuah, Antipenyelewengan dan Pemberian Maklumat

- 5.1. Pelanggan dengan ini mengakui bahawa KFH Malaysia mengamalkan pendirian toleransi sifar terhadap rasuah dan penyelewengan selaras dengan Dasar Antirasuah dan Antipenyelewengan (ABC) KFH Malaysia.
- 5.2. Pelanggan dan KFH Malaysia dengan ini mengisytiharkan bahawa mereka menyedari amalan di mana individu dan syarikat boleh memanfaatkan kedudukan atau jawatan yang mereka miliki atau maklumat yang mereka miliki untuk tujuan mendapatkan sendiri apa-apa suapan, ganjaran, faedah atau kelebihan, rebat, bayaran, mempengaruhi pembayaran, sogokan yang menyalahi undang-undang atau pembayaran lain yang menyalahi undang-undang, Pelanggan menyedari bahawa amalan tersebut melanggar dasar KFH Malaysia termasuk etika perolehannya, dan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Pindaan) 2018 atau mana-mana peraturan yang melaksanakan mana-mana undang-undang antirasuah atau undang-undang lain yang serupa di Malaysia dan dengan ini menjamin dan berakujanji untuk tidak menggunakan maklumat atau bantuan yang ditawarkan oleh individu atau syarikat tersebut atau membenarkan kewujudan atau penerusan amalan sedemikian untuk tujuan operasi KFH Akaun Semasa Super-i/ KFH Akaun Simpanan Super-i.
- 5.3. Pelanggan memulakan dan mengekalkan, dan akan terus mengekalkan, dasar dan prosedur yang dirancang dengan munasabah untuk mempromosikan dan mencapai pematuhan dengan klausa ini.
- 5.4. Pelanggan apabila dimaklumkan tentang apa-apa pelanggaran klausa ini, yang telah berlaku atau mungkin telah berlaku, hendaklah segera memberitahu KFH Malaysia secara bertulis mengenai pelanggaran tersebut.
- 5.5. Pelanggan dengan ini mengakui dan berakujanji bahawa:
 - a. Pelanggan telah membaca dan memahami Penyata ABC KFH Malaysia yang didapati dalam laman web KFH Malaysia;
 - b. Pelanggan hendaklah mendorong pengarah, pegawai, kakitangan dan wakil atau ejennya yang diberi kuasa mematuhi undang-undang antirasuah atau undang-undang di Malaysia yang serupa; dan
 - c. Jika Pelanggan mengetahui sebarang pelanggaran peraturan yang samada telah berlaku atau mungkin berlaku, Pelanggan hendaklah memberikan makluman bertulis kepada KFH Malaysia; dan
 - d. Pelanggan akan memaklumkan kepada KFH Malaysia tentang sebarang ketidakpatuhan atau percubaan ketidakpatuhan terhadap undang-undang antirasuah oleh mana-mana kakitangan atau orang yang berkaitan dengan KFH Malaysia dengan melaporkan perkara tersebut melalui whistleblow@kfh.com.my di laman web KFH Malaysia

6. Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA)

- 6.1. Jika "Data Peribadi" seperti yang ditakrifkan dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA) diproses untuk tujuan atau sepanjang tempoh operasi KFH Akaun Semasa Super-i/ KFH Akaun Simpanan Super-i, kedua-dua Pihak hendaklah:

- a. memproses Data Peribadi setakat mana dan mengikut apa-apa cara yang diperlukan untuk operasi KFH Akaun Semasa Super-i/ KFH Akaun Simpanan Super-i ini;
 - b. memberi arahan kepada pekerja, pemegang saham, afiliasi, ejen dan/atau perundingnya bersetuju, mematuhi dan mematuhi kehendak PDPA dan memastikan kebolehpercayaan mana-mana kakitangan yang mempunyai akses kepada Data Peribadi;
 - c. mengambil langkah-langkah teknikal dan organisasi yang sesuai untuk melindungi Data Peribadi daripada sebarang kehilangan, penyalahgunaan, pengubahsuaian, kebenaran atau akses atau pendedahan, perubahan atau pemusnahan yang tidak disengajakan termasuk memastikan tahap keselamatan yang sesuai dengan jenis Data Peribadi tersebut;
 - d. segera memberitahu kedua-dua Pihak secara bertulis apabila ia menyedari atau semunasabahnya menyedari apa-apa pelanggaran kewajibannya di bawah Terma dan Syarat yang mengakibatkan pendedahan Data Peribadi yang sebenarnya atau semunasabahnya disyaki tanpa kebenaran sama ada sebahagian daripada dirinya atau pegawai, pekerja, ejen atau subkontraktornya dan langkah-langkah yang diambil untuk mengurus dan membaiki pelanggaran itu; dan
- 6.2. Walau apa pun yang terkandung di sini, kedua-dua Pihak hendaklah pada setiap masa mematuhi peruntukan PDPA. Pelanggan dengan ini menanggung rugi sepenuhnya dan hendaklah memastikan KFH Malaysia tidak menanggung rugi daripada dan terhadap semua kos, perbelanjaan, tindakan, ganti rugi dan tuntutan apa pun yang disebabkan oleh atau berkaitan dengan ketidakpatuhan oleh KFH Malaysia terhadap peruntukan PDPA.
- 6.3. Pelanggan dengan ini bersetuju dan memberi kebenaran dengan pegangan, pengumpulan dan penggunaan semua data peribadi yang diberikan kepada KFH Malaysia oleh Pelanggan atau diperoleh oleh KFH Malaysia dari domain awam, serta data peribadi yang diperoleh daripada penyediaan perkhidmatan kepada Pelanggan berkaitan dengan KFH Akaun Semasa Super-i/ KFH Akaun Simpanan Super-i dengan KFH Malaysia selaras dengan Dasar Privasi di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 oleh KFH Malaysia yang mungkin dipinda dari semasa ke semasa.

7. Pendedahan

- 7.1. Selain daripada pendedahan yang diperuntukan di bawah Jadual 11 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, Pelanggan dengan ini memberi hak dan membenarkan KFH Malaysia, pegawai dan kakitangannya untuk mendedahkan sebarang maklumat mengenai KFH Akaun Semasa Super-i/ KFH Akaun Simpanan Super-i, Terma dan Syarat ini, akaun-akaun semasa Pelanggan dan akan datang dan sebarang perkara lain yang berkaitan dengan Pelanggan dan operasinya kepada:
- a. Unit Kredit Pusat (termasuk untuk tujuan penyimpanan di dalam Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (“CCRIS”) di mana maklumatnya tersedia untuk semua institusi kewangan yang mengambil bahagian), Sistem Maklumat Cek Tak Laku (DCHEQS),

- Bank Negara Malaysia, Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Malaysia (jika berkenaan) dan mana-mana agensi kerajaan atau mana-mana pihak pengawalseliaan lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas KFH Malaysia dan / atau anak syarikat KFH Malaysia;
- b. Pihak cagaran atau mana-mana pihak yang bercadang untuk menyediakan cagaran berkaitan dengan KFH Akaun Semasa Super-i/ KFH Akaun Simpanan Super-i;
 - c. Sebarang syarikat semasa atau akan datang yang mungkin menjadi anak syarikat dan atau syarikat induk dan / atau ahli dan/atau berkait (sebagaimana ditakrifkan di bawah Akta Syarikat (2016) dan/atau bersekutu dengan KFH Malaysia dan / atau syarikat induknya (sebagaimana ditakrifkan di bawah Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (2013));
 - d. Mana-mana cawangan KFH Malaysia, pejabat wakil, ahli gabungan (semasa dan akan datang) dan ibu pejabat KFH Malaysia;
 - e. Mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan kepada KFH Malaysia dan / atau syarikat induknya (termasuk tanpa had juruaudit, penasihat undang-undang dan penasihat professional KFH Malaysia dan / atau syarikat induknya);
 - f. Mana-mana orang dan setakat mana maklumat diperlukan untuk didedahkan di bawah kehendak undang-undang atau peraturan atau sepina atau perkara-perkara yang berkaitan selaras dengan mana-mana peruntukan undang-undang Malaysia yang terpakai, garis panduan atau arahan atau mahkamah perundangan mana-mana bidang kuasa di dalam atau di luar Malaysia;
 - g. Mana-mana penyedia perkhidmatan (termasuk agensi kutipan hutang dan sistem pesanan ringkas);
 - h. Sekiranya Pelanggan memberi arahan kepada KFH Malaysia bagi tujuan deposit atau pindahan dana melalui rentas sempadan, Pelanggan bersetuju memberi kebenaran/kuasa untuk pihak KFH Malaysia mendedahkan, mengguna pakai dan mendapatkan mana-mana maklumat berkaitan transaksi rentas sempadan kepada pihak berkuasa di bawah undang-undang bertulis di Malaysia atau luar Malaysia; dan
 - i. Mana-mana orang atau pihak berdasarkan budi bicara KFH Malaysia apabila diperlukan atau sesuai.
- 7.2. Pelanggan dengan ini bersetuju dengan pendedahan mengenai maklumat yang dimiliki oleh KFH Malaysia dan maklumat yang akan diterima pada masa akan datang, dan bahawa tiada persetujuan lanjut daripada Pelanggan diperlukan untuk tujuan seksyen ini dan Pelanggan dengan ini mengesahkan bahawa KFH Malaysia tidak akan bertanggungjawab dalam apa-apa keadaan dalam mendedahkan atau memberikan maklumat yang dirujuk di sini dengan syarat berkenaan dengan dokumen atau rekod atau maklumat yang diklasifikasikan sebagai sulit dan orang yang menerima maklumat tersebut daripada KFH Malaysia akan dikehendaki berjanji untuk menjaga kerahsiaan dokumen atau rekod atau maklumat yang diterima.



- 7.3. Sekiranya Pelanggan memilih untuk menarik balik persetujuan yang diberikan sebelum ini, KFH Malaysia berhak untuk tidak menyediakan atau menghentikan penyediaan mana-mana produk, perkhidmatan, akaun dan/atau kemudahan yang berkaitan dengan maklumat tersebut.